

PELAKSANAAN AKTIVITI KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH:SATU KAJIAN KES

*(The Implementation of Communicative Activities in Malay Language Teaching
in Primary School: A Case Study)*

ABDULL SUKOR SHAARI

abdsukor@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia

AZLIZA DIN

SMK Bukit Sawa, Marang

Diserah pada:

21 Julai 2013

Diterima pada:

10November 2013

Koresponden:

abdsukor@uum.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan guru bahasa Melayu dalam melaksanakan aktiviti komunikatif dalam proses pengajaran mereka. Reka bentuk kajian ini ialah pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Sampel kajian yang terlibat ialah tiga guru dan 25 orang murid tahun lima daripada sebuah sekolah kebangsaan di Terengganu. Data telah diperoleh secara intensif melalui pemerhatian dan temu bual. Kesemua data yang telah dikutip telah dianalisis semasa dan selepas pengutipan data secara induktif. Dapatkan kajian telah mengenal pasti tujuh kriteria yang digunakan oleh guru dalam aktiviti komunikatif semasa pengajaran bahasa Melayu. Kriteria ini adalah pengubahsuaian terhadap kontinum aktiviti komunikatif yang telah diperkenalkan Hamer dan prinsip aktiviti komunikatif Johnson. Tujuh kriteria berdasarkan kesesuaian dalam pengajaran bahasa Melayu ialah hasrat komunikasi, tujuan komunikasi, kandungan bukan struktur, kepelbagaiuan struktur bahasa, tiada campur tangan guru, tiada pengawalan bahan dan cantuman benda terpisah (*jigsaw*). Dapatkan kajian ini memberikan implikasi terhadap pedagogi mata pelajaran Bahasa Melayu berkaitan pelaksanaan kemahiran mendengar dan bertutur murid sekolah rendah.

Kata kunci: bahasa Melayu, aktiviti komunikatif, kaedah kualitatif

Abstract: The aim of the research was to determine the approach of Malay Language teacher in carrying out the communicative activity in their teaching process. The design of the study was a case study using qualitative approach. The sample involved in the research was three Malay Language teachers and 25 pupils of year five in one school in Terengganu. The data was collected intensively through observation and interview. All the data collected had been analyses inductively. The finding of the research had indicated seven criterion used or practiced by the teachers in communicative activity while teaching bahasa Melayu. This criterion is the adaptation of the communicative continuum activity introduced by Hamer and the communicative principle activity by Johnson (1982). The seven criterion based on the suitability in teaching Malay Language are communication need, the aim of communication, the content but not the structure, varieties of language structures, no teacher's interference, no material control and jigsaw. The findings of this study gave the implication towards the implementation of pedagogy in teaching oral skill to the primary school students.

Keywords: Malay Language, communicative activities, qualitative method,

PENGENALAN

Antara matlamat Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1983) ialah untuk membolehkan murid berkomunikasi secara lisan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Murid diharap dapat menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan memberi perhatian kepada kemahiran bertutur. Bagi memastikan murid mampu berkomunikasi, peluang perlu diberikan kepada mereka bertutur dalam kelas dengan menyempurnakan tugas komunikasi yang perlu diselesaikan (Ab. Gani, 1993). Allwright (1984) berpendapat bahawa mempraktikkan komunikasi dalam kelas sangat berguna kepada murid bagi membolehkannya menggunakan bahasa-bahasa yang dipelajari semasa berada di dunia luar (luar kelas). Komunikasi di sini bermaksud pertuturan sesama guru dan murid, sehingga mereka dapat bertukar-tukar peranan sebagai penutur dan pendengar antara satu sama lain. Hal ini ni bermakna, komunikasi bahasa mestilah menjadi aktiviti di dalam kelas bahasa Melayu. Guru perlu menyediakan peluang bagi menjadikan pengajaran bahasa sebagai suatu yang hidup dan bukan hanya menghafaz tatabahasa dan perkataan.

Menurut Mahzan (2007), guru-guru perlu memainkan peranan yang penting dalam menjayakan hasrat kurikulum Bahasa Melayu. Hal ini kerana mereka lah yang akan memastikan pendekatan pengajaran secara komunikatif terutamanya aktiviti komunikatif dapat dilanjutkan. Pengajaran yang dilanjutkan mengikut prinsip-prinsip pendekatan pengajaran secara komunikatif yang baik dipercayai akan melahirkan murid yang dapat menguasai bahasa Melayu dari segi sistem bahasa dan juga kemahiran berbahasa. Bagi mencapai matlamat pengajaran bahasa Melayu, pelbagai pendekatan lazimnya digunakan. Antara pendekatan yang sering digunakan adalah pendekatan komunikatif. Kajian ini perlu memandangkan pengajaran bahasa Melayu menerusi pendekatan aktiviti komunikatif jarang dilaksanakan di dalam bilik darjah (Abd. Razak, 1978). Kajian mereka mendapati, kebanyakannya guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu tidak mendapat latihan khas untuk mengajar bahasa, malah kedapatan

guru-guru yang tidak mempunyai kemahiran dalam bahasa Melayu telah ditugaskan mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dengan alasan mereka orang Melayu.

Kajian tentang proses pengajaran aktiviti komunikatif dalam pendidikan bahasa Melayu perlu dijalankan memandangkan matlamat Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan murid yang boleh berkomunikasi dengan baik dalam kehidupan sehari-hari mereka. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mencari membincangkan pelaksanaan aktiviti komunikatif dalam bahasa Melayu. Hasil pemerhatian yang mendalam terhadap pengajaran yang menjalankan aktiviti komunikatif di dalam kelas, membolehkan kajian ini nanti dapat menyenaraikan kriteria-kriteria pengajaran aktiviti komunikatif sebagaimana yang telah dilakukan oleh Larsen-Freeman (1986) sehingga dapat menyenaraikan 16 kriteria pengajaran pendekatan komunikatif hasil pemerhatiannya yang mendalam terhadap sebuah kelas yang menggunakan pendekatan tersebut. Hal ini kerana pengetahuan sebegini akan menjadikan guru lebih peka, sensitif dan memahami peranan mereka yang sebenar di dalam kelas. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu?

SOROTAN LITERATUR

Asas pertama bagi teori aktiviti komunikatif yang digunakan dalam kajian ini ialah konsep komunikasi bahasa. Komunikasi bahasa menurut Toimah (2004) ialah satu proses yang dapat memindahkan maklumat daripada satu pihak kepada yang lain sehingga keduanya saling memahami antara satu sama lain. Beliau menambah bahawa komunikasi sebenar perlu wujud di dalam kelas kerana tiga sebab utama. Pertama, keupayaan komunikasi dalam bahasa merangkumi semua bentuk hubungan antara bahasa dan budaya, begitu juga antara bahasa dan masyarakat.

Oleh yang demikian, murid kurang mampu untuk berkomunikasi kerana terdapat perbezaan budaya dan latar belakang antara pihak-pihak yang berkomunikasi. Kedua, pemerolehan kemampuan untuk berkomunikasi perlu melalui beberapa fasa. Setiap fasa, seseorang pelajar

memperoleh sesuatu melalui proses betul dan salah. Hal ini bermaksud kesalahan bahasa ialah satu proses yang berkesinambungan. ketiga, pemerolehan kemampuan untuk berkomunikasi bukan melalui proses ikutan dan ingatan sahaja tetapi juga melalui proses kefahaman dengan penggunaan struktur-struktur bahasa yang berfungsi dalam konteks sosial.

Kajian ini akan membincangkan konsep komunikasi bahasa berdasarkan model yang diperkenalkan oleh Hamer (1983) dan Johnson (1982). Dalam banyak keadaan, komunikasi adalah merupakan satu proses timbal balik antara penyampai dan penerima apabila keduanya akan bertukar-tukar peranan dan tugas. Penyampai akan menjadi penerima, dan begitu juga sebaliknya, kecuali dalam komunikasi secara tulisan atau penyampaian mesej melalui radio dan televisyen yang hanya melibatkan komunikasi berlaku secara satu hala sahaja. Dalam komunikasi bahasa, sesuatu bahasa perlu dipelajari melalui berkomunikasi. Oleh itu, guru perlu mewujudkan situasi komunikasi sebenar di dalam kelas dengan meminta pelajar melakukan main peranan, simulasi, interaksi sebenar dan lain-lain aktiviti komunikatif. Hanya dengan itu sahaja murid akan dapat mempelajari bahasa dalam pelbagai bentuk situasi. Melalui aktiviti komunikatif juga murid akan dapat menggunakan bahasa untuk melakukan pelbagai tugas komunikasi dan dapat menggunakan bahasa tersebut untuk berinteraksi sosial dengan orang lain (Toimah, 2004).

Aktiviti komunikatif pula merupakan aktiviti yang menggunakan kemahiran komunikasi sepenuhnya ketika melakukan sesuatu interaksi. Semasa aktiviti ini, murid yang telah didedahkan kepada latihan prakomunikatif perlu menggunakan kemahiran dan pengetahuan tersebut untuk berinteraksi. Tujuan aktiviti komunikatif dalam pengajaran bahasa yang berdasarkan pendekatan komunikatif menurut Littlewood (1981) adalah untuk:

1. Menyediakan amalan-amalan keseluruhan tugas (*whole-task practice*).
2. Meningkatkan motivasi dalam pembelajaran
3. Membolehkan wujudnya pembelajaran semula jadi (*natural learning*).
4. Mewujudkan konteks atau situasi yang dapat menyokong pembelajaran.

Pada peringkat aktiviti pra komunikatif, murid dilatih dengan separuh kemahiran komunikasi. Latihan akan dibuat secara berulang dengan berbagai cara. Ia juga melibatkan soal jawab yang membolehkan pelajar berpeluang untuk berlatih kemahiran komunikasi.

KERANGKA TEORI KAJIAN

Bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah dinyatakan, perbincangan akan dilakukan terhadap pembahagian aktiviti komunikatif oleh Littlewood (1981) terhadap aktiviti interaksi sosial. Littlewood (1981) membahagikannya kepada dua jenis, iaitu pertama aktiviti-aktiviti pra komunikatif dan kedua, aktiviti-aktiviti komunikatif yang dijalankan secara berperingkat. Pada peringkat pra komunikatif, para pelajar dilatih dengan separuh kemahiran komunikasi yang melibatkan latihan dibuat secara berulang dengan berbagai-bagai cara. Ia juga melibatkan soal jawab yang membolehkan pelajar berpeluang berlatih kemahiran komunikasi, melancarkan sebutan dalam sistem bahasa yang bersifat struktural. Aktiviti sebegini akan dapat membantu pelajar mempunyai kemahiran berbahasa untuk peringkat seterusnya iaitu aktiviti komunikatif.

Aktiviti komunikatif pula ialah aktiviti yang menggunakan kemahiran komunikasi sepenuhnya ketika melakukan sesuatu interaksi. Semasa aktiviti ini, murid telah didedahkan kepada latihan prakomunikatif perlu menggunakan kemahiran dan pengetahuan tersebut untuk berinteraksi. Terdapat dua jenis aktiviti komunikasi yang boleh digunakan iaitu aktiviti komunikasi fungsian dan aktiviti interaksi sosial (Littlewood, 1981).

Aktiviti komunikasi fungsian adalah aktiviti komunikasi yang berdasarkan tanggungjawab dan peranan yang perlu dimainkan oleh murid bagi memenuhi jurang maklumat. Prinsip yang terkandung dalam aktiviti komunikatif fungsian ialah guru membentuk sesuatu situasi supaya murid-murid menyelesaikan masalah. Rangsangan untuk berkomunikasi serta ukuran kejayaan aktiviti ini terdapat dalam situasi tersebut. Aktiviti-aktiviti ini memberikan penekanan terhadap aspek-aspek fungsian sesuatu komunikasi bagi kegunaan di dalam kelas. Secara khususnya kejayaan aktiviti ini diukur melalui kebolehan murid-murid mengatasi keperluan

serta merta dalam sesuatu situasi. Oleh itu, penekanan aktiviti-aktiviti adalah terhadap keberkesanannya fungsian. Hal ini kerana salah satu aspek penting dalam kemahiran komunikatif ialah kebolehan untuk memilih bahasa yang dapat menyampaikan makna yang dikehendaki dengan berkesan dalam situasi-situasi tertentu (Littlewood, 1981).

Aktiviti interaksi sosial pula menurut Littlewood (1981) ialah aktiviti penggunaan bahasa dalam situasi yang hampir menyerupai penggunaan bahasa sebenar. Oleh itu, guru perlu memindahkan situasi penggunaan bahasa sebenar sehari-hari itu ke dalam kelas. Antara perkara yang boleh dilakukan untuk tujuan tersebut adalah dengan guru menjadikan kelas sebagai persekitaran sosial.

Aktiviti Komunikatif Di Bilik Darjah

Aktiviti-aktiviti komunikatif yang dijalankan oleh guru hendaklah berdasarkan komunikasi fungsian sebagaimana yang dicadangkan oleh Littlewood (1981) kerana fokus utama aktiviti jenis ini ialah aktiviti di dalam bilik darjah. Bagaimanakah kita dapat mengukur sesuatu aktiviti itu dianggap sebagai benar-benar aktiviti komunikatif? Untuk itu, kajian ini menggariskan kriteria yang berkaitan dengannya. Penulisan ini akan berpandukan kepada kriteria yang diperkenalkan oleh Harmer (1983) dan Johnson (1982).

Dari segi kriteria aktiviti komunikatif, Harmer (1983) telah menggariskan kriteria-kriteria berikut:

1. Hasrat komunikasi. Aktiviti hendaklah menimbulkan hasrat untuk berkomunikasi. Pelajar merasakan mereka benar-benar perlu untuk bercakap dan berkomunikasi.
2. Tujuan komunikasi. Aktiviti hendaklah melibatkan pelajar melakukan komunikasi sebenar dan bukan hanya untuk mempraktikkan bahasa sahaja. Oleh itu perlu jurang maklumat atau idea antara peserta komunikasi.
3. Kandungan dan bukan struktur. Dalam melaksanakan aktiviti, pelajar perlu menumpukan perhatian terhadap perkara yang mereka perkatakan dan bukan kepada kaedah mereka memperkatakannya. Oleh itu, mereka perlu menumpukan kepada mesej yang hendak disampaikan bukan

kepada struktur-struktur bahasa yang digunakan untuk menyampaikan mesej tersebut.

4. Kepelbagaiannya struktur bahasa. Aktiviti hendaklah membolehkan pelajar dapat menggunakan pelbagai bentuk atau struktur bahasa. Pelajar akan berasa bebas untuk menggunakan apa jua bentuk struktur bahasa yang menjadi pilihannya.
5. Tiada campur tangan guru. Semua aktiviti yang dijalankan membolehkan pelajar melaksanakan sesama mereka. Pembetulan atau penilaian guru adalah terhadap hasil aktiviti yang telah dijalankan. Penilaian juga hendaklah berdasarkan pencapaian pelajar dalam komunikasi dan bukan terhadap penggunaan bahasa sama ada betul atau salah.
6. Tiada pengawalan bahasa. Guru tidak akan mengawal bahasa yang akan digunakan oleh pelajar tetapi pelajar sendiri yang akan memilih bahasa yang akan mereka gunakan.

Aktiviti komunikatif adalah fokus utama dalam kajian ini kerana aspek yang akan dilihat dalam pengajaran guru bahasa Melayu ialah bagaimanakah aktiviti-aktiviti komunikatif yang dijalankan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kajian kes yang menggunakan teknik pengutipan data, iaitu pemerhatian dan temu bual. Pendekatan kualitatif ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang bercorak proses yang melibatkan persoalan ‘bagaimana’ aktiviti komunikatif diajarkan di dalam kelas. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan berperanan sebagai instrumen utama yang hadir sendiri di tempat kajian bagi meneliti dan mengutip data yang diperlukan.

Pensampelan

Kajian ini ialah kajian kes. Sebuah sekolah kebangsaan di negeri Terengganu telah diambil sebagai lokasi kajian manakala sebanyak tiga

orang guru dan 25 murid Tahun 5 dijadikan sebagai sampel. Pensampelan bertujuan digunakan kerana pensampelan ini sesuai untuk kajian kes. Salah satu batasan kajian ini ialah walaupun ramai guru yang mengajar bahasa Melayu tetapi hanya tiga orang guru sahaja yang mengajar Tahun 5.

Instrumen

Oleh kerana tujuan utama kajian ini ialah untuk memahami proses pengajaran aktiviti komunikatif di dalam kelas, maka pemerhatian adalah merupakan teknik utama yang digunakan dalam pengutipan data. Teknik pemerhatian terhadap perjalanan kelas bahasa Melayu akan dilakukan untuk mengetahui dan memahami situasi sebenar dan dapat mengesan peristiwa-peristiwa yang signifikan. Teknik ini bukan sahaja dapat memberi peluang kepada pengkaji mengesan perkara-perkara yang dianggap kelaziman pada mereka yang terlibat malahan melalui pemerhatian, menurut Merriam (1990), pengkaji dapat melihat secara langsung tentang apa sahaja aktiviti yang dijalankan oleh peserta kajian. Patton (1980) pula berpendapat bahawa melalui pemerhatian, pengkaji dapat merapatkan diri kepada peserta kajian di samping memerhati dan mendengar apa yang berlaku dalam masa mereka melakukan aktiviti. Ini penting bagi membolehkan pengkaji meneroka proses yang berlaku daripada kaca mata dan tanggapan murid sendiri.

Bagi memudahkan proses mencatat pemerhatian ini, pengkaji akan menyediakan satu borang khas untuk mencatat dan meneliti kegiatan yang berlaku semasa proses pengajaran. Senarai kriteria pengajaran pendekatan komunikatif yang diperoleh daripada kajian literatur akan dijadikan panduan oleh pengkaji untuk membuat pemerhatian. Namun begitu, ia hanya panduan sahaja kerana matlamat utama pemerhatian dibuat ialah untuk melihat apakah pendekatan yang sebenar dalam lapangan kajian secara semula jadi.

Pengkaji membuat pemerhatian secara kritikal setiap gerak geri, percakapan, reaksi, dan suasana persekitaran. Selain membuat catatan lapangan, penyelidik juga akan membuat catatan jurnal. Catatan ini menurut Marohaini (2001) adalah untuk merekodkan apa-apa idea,

pemikiran, pendapat, pengalaman, perancangan, masalah dan keraguan yang timbul berkaitan dengan pemerhatian. Berbeza dengan catatan lapangan yang merekodkan maklumat atau data-data yang didapati secara lengkap daripada pemerhatian catatan jurnal merupakan tempat untuk pengkaji meluahkan perasaan dan memikirkan semula tentang apa yang telah terjadi serta komentar dalam bentuk peribadi. Pengkaji berkenalan dengan warga sekolah daripada peringkat pentadbir, ketua panitia bahasa Melayu, guru-guru dan murid-murid untuk membina hubungan kerja yang baik. Pengkaji membuat pemerhatian tidak berstruktur, berbincang dengan pelbagai pihak untuk mendapatkan gambaran perjalanan aktiviti harian sekolah, di samping akan mendapat calon guru sebagai peserta kajian.

Setelah mendapat peserta kajian, pengkaji akan mula masuk ke kelas dengan membuat catatan sambil mengendalikan rakaman video bagi pengajaran yang sedang dijalankan. Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk membiasakan guru dan murid dengan kehadiran pengkaji bersama mereka. Dengan itu, guru dan pelajar yang terlibat diharap tidak merasa kekok dengan kehadiran pengkaji dan seterusnya dapat menerima pengkaji sebagai salah seorang daripada mereka.

Pada peringkat ini, pengkaji akan melakukan pemerhatian khusus terhadap aktiviti komunikatif yang dijalankan. Sambil memerhati, pengkaji akan merakam pengajaran guru dan tindak balas murid dengan menggunakan kamera video dan mencatatkannya ke dalam buku catatan lapangan. Peringkat ini, pengkaji akan berusaha mendapatkan penghuraian yang mendalam berkenaan amalan aktiviti komunikatif semasa proses pengajaran bahasa Melayu dijalankan oleh peserta kajian di dalam kelas. Pada peringkat ini juga, bukan hanya peserta kajian yang diperhatikan dan ditemu bual malah semua faktor yang berkaitan akan turut diambil kira termasuk kelas, kelengkapan, suasana kelas, persekitaran, murid-murid, gangguan dari luar, kekangan masa, pertukaran masa temu janji dan sebagainya (Cohen & Manion, 1994).

Temu Bual

Terdapat dua jenis temu bual yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu temu bual tidak

formal dan temu bual formal berpandu. Menurut Patton (1987) dan Merriam (1990), temu bual tidak formal ialah temu bual yang mengemukakan soalan-soalan secara spontan dalam interaksi manakala temu bual formal berpandu mempunyai senarai soalan-soalan atau isu untuk diteroka semasa pemerhatian yang telah dijalankan. Dalam kajian kes ini pengkaji akan menggunakan kedua-dua kaedah temu bual ini. Temu bual formal adalah berkaitan maklumat tentang proses perancangan pengajaran, jenis aktiviti yang dilakukan, sebab aktiviti tersebut dipilih, sejauh manakah aktiviti tersebut menjadikan pelajar aktif dan memberi ruang untuk mereka berkomunikasi dan akhirnya perasaan peserta kajian semasa pengendalian aktiviti-aktiviti tersebut. Selain itu, temu bual dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang mana-mana aspek yang kurang jelas semasa pemerhatian (Robson, 2002).

DAPATAN KAJIAN

Analisis data dijalankan berdasarkan kriteria pelaksanaan aktiviti komunikatif yang digunakan peserta kajian dalam pengajaran bahasa Melayu. Pandangan peserta kajian hasil temu bual dan pemerhatian yang dijalankan akan digunakan.

Sebagai panduan kepada pengkaji, antara beberapa soalan yang dikemukakan kepada peserta kajian dalam temu bual formal ialah soalan tentang proses perancangan pengajaran, jenis aktiviti yang dilakukan, sebab aktiviti tersebut dipilih, sejauh manakah aktiviti tersebut menjadikan pelajar aktif dan memberi ruang untuk mereka berkomunikasi. Data seperti ini juga dapat dikutip kerana pengkaji selaku instrumen kajian hadir sendiri dan menerokanya secara realistik dan naturalistik.

Daripada temu bual yang dijalankan dengan peserta kajian, pengkaji memperoleh semua maklumat yang kurang jelas dan sukar diperoleh melalui pemerhatian. Contohnya melalui pemerhatian, pengkaji hanya dapat melihat perlakuan yang ditunjukkan oleh peserta kajian. Apa yang dirasai oleh peserta kajian tidak dapat diketahui melainkan melalui temu bual. Melalui temu bual, pengkaji telah dapat mengemukakan soalan yang dapat mencungkil penjelasan lanjut tentang perlakuan yang ditunjukkan oleh murid.

Kriteria Aktiviti Komunikatif

Shulman (1992), menjelaskan bahawa pengetahuan kandungan adalah kefahaman tentang mata pelajaran yang diajar secara khusus. Ia merupakan *structure of knowledge* sesuatu mata pelajaran yang diajar meliputi teori, konsep dan prinsip sesuatu disiplin. Namun pengetahuan dalam konteks kajian ini merujuk kepada pengetahuan peserta kajian tentang aktiviti komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu yang telah diajar berdasarkan daripada Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Tahun 5. Berdasarkan kefahaman mengenai kriteria-kriteria aktiviti komunikatif ini, peserta kajian membuat transformasi ke dalam bentuk rancangan pelajaran dan merealisasikannya dalam aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah

Aktiviti Yang Menimbulkan Hasrat untuk Berkommunikasi

Dalam temu bual utama, salah satu soalan ialah mengenai aktiviti-aktiviti komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu. Peserta kajian telah memberi takrifan dan contoh aktiviti komunikatif. Puan Ramlah menganggap aktiviti komunikatif adalah sama seperti aktiviti-aktiviti yang disenaraikan dalam HSP dan ada hubungannya dalam aktiviti yang dilaksanakannya di dalam kelas. Menurut beliau, "...kalau aktiviti bercerita, memang murid sangat suka... Maknanya murid akan duduk diam bila saya start cerita". Berdasarkan jawapan yang diberi, menunjukkan beliau telah menggunakan strategi bercerita seperti yang disarankan dalam HSP.

Aktiviti bercerita yang digunakan oleh peserta kajian ini dalam sesi pengajaran pertama ialah, beliau telah memulakan penceritaan dengan memperkenalkan tajuk cerita dan cerita melalui gaya, intonasi dan nada yang sesuai. Kemudian beliau memberhentikan cerita tersebut dan meminta seorang murid menyambung cerita tersebut di hadapan kelas. Semasa murid bercerita, murid-murid lain boleh menyatakan untuk mendapatkan maklumat dengan menggunakan pelbagai kata tanya. Selepas murid selesai bercerita, beliau telah meminta murid membentuk dua kumpulan kecil. Murid diminta bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat dan berbincang serta menyusun maklumat-maklumat

yang diperoleh berdasarkan cerita yang disampaikan oleh rakan mereka itu tadi.

Dalam pengajaran aktiviti komunikatif, sesuatu aktiviti perlu dapat menimbulkan hasrat dalam diri murid untuk berkomunikasi dan bertanyakan maklumat. Aktiviti seperti ini dapat menimbulkan motivasi pada diri murid dan dapat menimbulkan minat untuk mereka menggunakan bahasa yang sesuai yang sedang dipelajari. Selain itu, aktiviti ini juga akan menjadikan murid dapat menggunakan bahasa, ingin lebih bebas, tiada rasa rendah diri, tiada rasa malu, mencuba, mencari peluang dan bekerjasama dengan rakan untuk berkongsi maklumat.

Dapatkan kajian menunjukkan aktiviti komunikatif yang dijalankan oleh peserta kajian telah menimbulkan hasrat dalam kalangan murid untuk berkomunikasi. Seperti dalam sesi pengajaran yang pertama, aktiviti komunikatif seperti bercerita yang dijalankan oleh peserta kajian telah dapat menimbulkan hasrat kepada semua murid untuk berkomunikasi mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cerita tersebut. Hasrat mereka adalah untuk mengetahui apakah cerita dan maklumat yang ingin disampaikan oleh rakan mereka yang berada di hadapan. Mereka perlu bercakap dan bertanya untuk mendapatkan maklumat tentang cerita yang disampaikan oleh rakan mereka yang berada di hadapan.

Aktiviti komunikatif dalam sesi pengajaran yang kedua pula telah menyebabkan murid terpaksa bercakap untuk mengetahui idea yang dipunyai oleh rakan-rakan yang lain tentang cerita tersebut. Kalau mereka tidak bertanya atau menyampaikan idea yang dipunyai oleh mereka, mereka tidak akan dapat menyempurnakan tugas yang diberikan oleh guru mereka iaitu menyenaraikan seberapa banyak nilai murni yang terdapat dalam cerita tersebut. Hasrat mereka adalah mendapatkan nilai murni daripada rakan dan menyusun nilai yang diperoleh mengikut urutan cerita. Misalnya, dalam pemerhatian ketiga, pengkaji melihat bagaimana Puan Ramlah memulakan pengajaran beliau dengan menyatakan, "... murid-murid semua, cikgu mahu kamu menyatakan nilai murni yang terdapat dalam cerita". Selepas itu, beliau meminta murid menyenaraikan sejumlah nilai murni seperti soal jawab berikut:

Guru: Lima nilai murni?

Murid 1: Baik hati, bertanggungjawab, rajin, bersyukur dan menghormati.

Guru: OK ,bagus ! Nilai yang lain pula, sapa nak cuba?

Murid 2:Penyayang, prihatin....

Guru: Prihatin? Prihatin? Semula, semula...

Murid 2: Prihatin(kesalahan menyebut dan guru membetulkan)

Guru: Kelas, sebut prihatin.

Semua murid: Prihatin.

Berdasarkan contoh di atas, perkara utama yang ditekankan oleh Puan Ramlah ialah kebolehan murid menyebut dan menyenaraikan lima nilai murni yang terdapat dalam cerita. Beliau telah memuji murid 1 kerana dapat menyebut dan menyenaraikan lima nilai murni.

Dalam sesi pengajaran ketiga, pemerhatian telah dilakukan oleh pengkaji iaitu satu aktiviti komunikatif telah dilaksanakan iaitu melibatkan dua orang murid yang terpaksa berinteraksi untuk bertanya antara satu sama lain bagi melengkapkan ayat yang mengandungi nilai murni serta huraian nilai tersebut berdasarkan cerita yang didengar. Hasrat untuk melengkapkan ayat tersebut telah memaksa mereka bertanya dan berinteraksi.

Dalam sesi pengajaran keempat pula, hampir sama dengan pengajaran ketiga, iaitu murid terpaksa berbual dan bertanya antara mereka untuk menyusun ayat-ayat menjadi satu cerita yang lengkap. Cerita tersebut mempunyai pendahuluan, jalan cerita dan penutup. Dapatkan kajian menunjukkan kedua-dua murid tersebut mempunyai isi cerita tetapi susunan isi cerita mereka perlulah mengikuti kronologi yang betul. Masing-masing mempunyai masalah untuk menyusun ayat-ayat mengikut kronologi. Oleh itu, mereka terpaksa berinteraksi dan berkomunikasi untuk melengkapkan cerita tersebut.

Semasa sesi pengajaran yang kelima, terdapat dua aktiviti komunikatif yang telah dijalankan oleh guru. Dalam aktiviti yang pertama, satu kumpulan murid (Kumpulan A) menyoal tentang gambar yang ditunjukkan oleh sekumpulan murid (Kumpulan B). Murid kumpulan B perlu menjawab soalan tersebut manakala aktiviti kedua pula, ahli Kumpulan A

bertanya kepada Kumpulan B tentang hasrat kumpulan tersebut iaitu untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti sebegini akan dapat mewujudkan komunikasi dalam kalangan mereka. Kumpulan B yang berada di hadapan mesti menjawab dengan jujur berdasarkan pertanyaan yang diberikan oleh rakan-rakan dari Kumpulan A. Akhir sekali, dalam sesi pengajaran keenam, Kumpulan A terpaksa berinteraksi dengan Kumpulan B agar dapat menjawab soalan yang dibina berdasarkan satu petikan cerita yang diperdengarkan sebentar tadi.

Aktiviti yang Mempunyai Tujuan Komunikasi

Aktiviti ini telah menjadikan murid mempunyai sesuatu tujuan untuk berkomunikasi. Mereka mesti menggunakan bahasa untuk mencapai tujuan tersebut. Ini adalah kerana tujuan atau objektif ini adalah satu yang penting dalam berkomunikasi. Seseorang murid bertutur adalah untuk mewujudkan sesuatu hasil dari pertuturnya seperti menggembirakan, memahamkan menarik perhatian dan memberi maklumat kepada pendengar. Ini menjadikan penutur benar-benar tertarik dan berminat untuk mencapai tujuan komunikasi. Pendengar pula berminat untuk mengetahui apakah tujuan yang ingin disampaikan oleh penutur. Mereka ingin mendapatkan apakah yang hendak diperkatakan oleh penutur dan ingin mengetahui apakah idea yang hendak disampaikan oleh penutur. Mereka juga ingin mengetahui apakah kesan yang ingin dicapai oleh penutur.

Aktiviti sebegini melibatkan pelajar melakonkan aktiviti komunikasi sebenar dan mereka berpeluang menggunakan bahasa Melayu yang sedang dipelajari. Mereka juga dapat melakukan tugas komunikasi dalam situasi atau konteks yang bermakna bukan dalam suasana rekaan. Oleh itu, bahasa yang digunakan adalah bahasa yang dimiliki oleh pelajar dan bukan hanya untuk mempraktikkan bahasa secara mekanis yang diajarkan oleh guru terlebih dahulu.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam sesi pengajaran yang pertama, murid yang berada di hadapan kelas (murid sumber) berusaha menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya agar rakan-rakannya yang lain dapat mengetahui cerita seterusnya. Murid lain berusaha menyayal

dengan pelbagai kata tanya kepada murid sumber dengan tujuan untuk mendapat maklumat cerita tersebut. Contohnya adalah seperti berikut:

Murid 1: Apakah yang dilakukan oleh Amin sebaik sahaja pulang dari sekolah?

Murid 2: Mengapakah ibu Amin tidak makan tengah hari bersama Amin?

Murid 3: Berapa harikah ibu Amil berpuasa sunat?

Murid 4: Adakah Amin berpuas hati dengan jawapan ibunya?

Murid menggunakan pelbagai kata tanya untuk mendapat maklumat daripada murid sumber. Guru hanya memerhati sambil memberi isyarat gerak badan tanda soalan yang dikemukakan adalah betul. Berdasarkan semakan terhadap Buku Rekod Mengajar peserta kajian, pengkaji mendapati beliau telah merancang dan merujuk rancangan pengajaran berdasarkan HSP. Ini telah dijelaskan oleh Puan Ramlah sebagai peserta kajian yang menyatakan: "*Tajuk dan sub topik pengajaran ditentukan berdasarkan HSP, buku teks atau rancangan pelajaran peringkat daerah yang dibuat mengikut susunan*". Menurut beliau lagi, keselarasan tajuk-tajuk dan sub topik memudahkan proses pengajaran beliau. Pengkaji juga sempat memerhati sudut kelas Tahun 5 Bijak terdapat "pohon kata tanya", iaitu terdapat perkataan-perkataan seperti apakah, mengapakah, bagaimanakah, kenapakah, adakah dan sebagainya. Secara tidak langsung sudut kelas ini membantu melancarkan proses komunikatif sesama murid.

Dapatan kajian mendapati dalam sesi pengajaran kedua pula, murid-murid berkongsi idea dengan cara bertanya sesama mereka tentang maklumat yang diperoleh daripada murid sumber tersebut. Mereka berbincang tentang maklumat yang diperoleh dan maklumat tersebut cuba disusun mengikut kronologi. Dalam sesi pengajaran ketiga, dua orang murid berusaha berbincang tentang nilai murni untuk melengkapkan ayat. Jika mereka tidak berbincang ayat mereka tidak akan lengkap. Aktiviti komunikatif dalam sesi pengajaran keempat ialah murid A dan murid B terpaksa berbual dan bertanya antara mereka untuk menyusun ayat-

ayat menjadi satu cerita yang lengkap. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tujuan tersebut telah mendorong mereka untuk saling bertanya dan kemudiannya melengkapkan cerita tersebut dengan baik.

Terdapat dua aktiviti komunikatif dalam pengajaran guru yang kelima. Aktiviti pertama melibatkan kumpulan A menyoal tentang gambar yang ditunjukkan oleh sekumpulan murid Kumpulan B. Murid Kumpulan B perlu menjawab soalan tersebut manakala aktiviti kedua pula, ahli Kumpulan A bertanya kepada Kumpulan B. Kumpulan B pula berusaha menjawab soalan agar memperoleh maklumat tentang gambar yang ditunjukkan. Dalam sesi pengajaran keenam, Kumpulan A berusaha menyoal dan menjawab soalan atau tekaan Kumpulan B agar Kumpulan B mendapat maklumat cerita yang diperdengarkan. Kumpulan B berusaha bertanya tentang maklumat yang kurang jelas. Aktiviti soal jawab ini berjaya mewujudkan tujuan komunikasi kepada kedua-dua kumpulan ini.

Berfokus Kepada Kandungan dan Bukan kepada Struktur

Apabila murid mempunyai tujuan yang ingin disampaikan, maka pemerhatian mereka adalah tertumpu kepada kandungan apa yang diucapkan dan bukan kepada bentuk bahasa yang digunakan. Penutur akan memilih bahasa daripada simpanan bahasanya yang dia fikirkan sesuai untuk mencapai tujuannya. Pendengar pula akan memproses aspek bahasa yang pelbagai iaitu tatabahasa dan perbendaharaan kata untuk memahami apa yang diperkatakan. Ini menjadikan fokus pembelajaran adalah kepada apa yang diperkatakan dan bukan kepada bagaimana memperkatakan. Penutur dan pendengar akan menumpukan kepada mesej yang hendak disampaikan dan bukan kepada struktur-struktur bahasa yang digunakan untuk menyampaikan mesej tersebut.

Contohnya dalam pengajaran kedua, terdapat dua aktiviti yang berkaitan perlu dilakukan oleh pelajar. Kedua-dua aktiviti itu memerlukan pelajar berbincang tentang maklumat yang berupa susun atur maklumat mengikut kronologi aktiviti harian seorang murid sekolah dari pagi hingga malam. Semasa

aktiviti pertama dan kedua dilakukan, kumpulan A dan B mendapat maklumat secara rawak dan tidak mengikut susunan. Untuk mencapai tujuan komunikasi iaitu untuk mendapat maklumat, setiap seorang murid perlu bertanya antara satu sama lain.

Melalui temu bual, peserta kajian mengatakan bahawa dalam aktiviti ini, mereka telah menyampaikan maklumat menggunakan bahasa sendiri dan bukan bahasa yang disediakan oleh guru. Mereka berfikir secara spontan untuk berkomunikasi menyampaikan maklumat kepada kumpulan lain. Berdasarkan itu, mereka cuba mencari ayat-ayat yang sesuai yang boleh difahami oleh rakan mereka berkaitan maklumat tersebut. Pengkaji mendapati, Rekod Mengajar Guru yang ditulis oleh Cikgu Ramlah menepati HSP yang dibekalkan oleh KPM.

Berlaku Kepelbagai Struktur Bahasa

Untuk mencapai sesuatu tujuan dalam komunikasi, seseorang penutur akan memilih bahasa yang sesuai daripada perbendaharaan bahasa yang dimilikinya. Begitu juga dengan pendengar yang perlu memproses pelbagai tatabahasa dan perbendaharaan kata yang dimilikinya untuk benar-benar memahami apa yang diucapkan oleh penutur. Kajian ini mendapati pelajar boleh menggunakan pelbagai bentuk atau struktur bahasa. Mereka akan berasa bebas menggunakan struktur bahasa yang menjadi pilihannya. Contohnya dalam pengajaran pertama, kesemua murid tidak mengetahui kesudahan cerita yang disampaikan oleh murid sumber. Untuk mengetahui cerita tersebut dan selanjutnya, mereka terpaksa bertanya dengan pelbagai kata soal untuk mendapat jawapan. Contohnya seperti kata persoalan berikut:

Siapakah murid itu? Lelaki atau perempuan?
Berapakah umur Amin?

Apakah pekerjaan bapa Amin?
Di manakah Amin bersekolah?

Adakah Amin murid yang pandai atau macam kami?

Soalan-soalan ini ialah soalan spontan daripada murid, dan bukan yang telah diberikan awal oleh guru. Dalam sesi pengajaran kedua, semasa bertanya antara satu sama lain,

soalan-soalan yang biasa digunakan oleh murid ialah:

Adakah Amin orang miskin?
Bagaimana Amin boleh menjadi pandai?
Mengapakah Amin disukai oleh kawan-kawannya?

Soalan-soalan ini adalah daripada murid-murid tersebut. Tiada latihan pengulangan dilakukan oleh mereka sebelum itu. Dalam sesi pengajaran keempat pula, murid Kumpulan A dan B mempunyai maklumat tentang cerita yang disampaikan oleh murid sumber tersebut tetapi maklumat yang dimiliki oleh mereka adalah tidak mengikut susunan. Kumpulan murid A boleh memiliki maklumat mengenai cerita tersebut melalui Kumpulan B, begitulah sebaliknya. Bagi melengkapkan jalan cerita tersebut mengikut kronologi maka mereka perlu saling bertanya antara satu sama lain.

Kurang Campur Tangan Guru

Sewaktu murid-murid menjalankan aktiviti komunikasi, guru perlu mengurangkan campur tangan beliau. Ini kerana dengan campur tangan guru yang banyak akan menyebabkan murid mendapat mesej bahawa mereka telah melakukan kesalahan, sedangkan guru lebih menekankan kepada ketepatan dan keperluan kepada pengulangan.

Dalam pemerhatian pengkaji, peserta kajian telah bertindak dengan mengikut serta menjadi sebagai peserta komunikasi antara murid. Peserta kajian juga bertindak memerhati dan mendengar dengan teliti untuk mengendalikan maklum balas sewaktu komunikasi berjalan. Campur tangan guru adalah secara tidak langsung seperti memuji, aksi menggalakkan murid untuk pelajar terus berkomunikasi dan lain-lain lagi. Keadaan ini telah menjadikan berlakunya komunikasi sesama murid. Mereka akan berusaha sendiri dengan cara mencuba dan sekiranya terdapat sedikit kesalahan guru akan membantu. Dalam pengajaran pertama, guru banyak kali membiarkan murid berinteraksi sesama mereka, contohnya:

Murid Sumber: Amin berjalan kaki ke Sekolah (sedang bercerita).

Murid-murid: Berapa kilo ye jalan kaki?

Murid Sumber: Ada le dalam 2 kilo.

Murid-murid: O...Jauhnya, gagah ye.

Guru telah menjelaskan kepada pengkaji, “*Lepas saya bagi clue, nampak budak-budak sudah boleh buat, soalan-soalan simple sahaja?*” Dalam sesi pengajaran ketiga, didapati guru membiarkan pelajar berkomunikasi walaupun terdapat beberapa kesalahan bahasa. Beliau hanya memberi reaksi menggalakkan murid untuk terus bercakap, memuji murid dan menulis perkataan di papan tulis agar komunikasi antara mereka berjalan dengan lancar. Di samping itu, guru juga didapati telah membantu pelajar menggunakan bahasa bagi memastikan kelancaran perjalanan komunikasi. Antara yang dilakukan guru ialah dengan membantu murid menggunakan kata soal yang tepat. Contohnya seperti dalam pengajaran pertama:

Guru: Berapakah jarak di antara rumah Amin dengan sekolah?

Guru: Jauhnya lebih kurang dua kilometer sahaja.

Guru: Kalau begitu, Amin adalah seorang murid yang gagah.

Murid diam semasa guru membantu membetulkan bahasa yang telah mereka gunakan. Guru didapati telah membantu murid cara menyambung ayat dengan menggunakan kata hubung yang sesuai. Contohnya, “di samping itu, akan tetapi, walau bagaimanapun” dan sebagainya.

Mengurangkan Pengawalan Terhadap Bahas

Dalam pengajaran bahasa yang biasa, murid diminta menggunakan bahan seperti yang diarahkan oleh guru yang menyebabkan mereka menggunakan bahasa tertentu sahaja. Pengajaran sebegini juga biasanya mengehadkan pilihan murid terhadap apa yang hendak diperkatakan oleh mereka atau bagaimana seharusnya untuk mereka memperkatakan sesuatu. Pengehadan seperti ini akan menafikan ciri kepelbagaiannya bahasa. Hal ini berbeza dengan pengajaran aktiviti komunikatif yang dilakukan oleh guru

dalam kajian ini. Beliau mengurangkan pengawalan terhadap bahan yang digunakan oleh murid bahkan mereka dapat memilih sendiri apakah bahan yang akan mereka gunakan dalam aktiviti komunikasi.

Aktiviti Cantuman Benda Terpisah

Aktiviti komunikatif terakhir ialah aktiviti yang melibatkan murid perlu mengumpulkan maklumat untuk menyempurnakan sesuatu tugas yang diberikan kepada mereka. Dalam sesi pengajaran pertama, terdapat maklumat terpisah yang diperoleh daripada jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh murid sumber. Maklumat tersebut berkaitan dengan nama dan umur murid tersebut. Murid-murid perlu mengumpulkan kesemua maklumat yang tidak lengkap. Dapatkan kajian menunjukkan untuk menyempurnakan tugas yang diberikan oleh guru kepada mereka, maka murid berkomunikasi dengan murid sumber tersebut bagi menghasilkan jalan cerita yang lengkap.

Dalam pengajaran kedua, terdapat tiga idea yang berbeza dan terpisah-pisah dalam kalangan tiga orang murid. Idea-idea tersebut adalah berkaitan dengan rutin harian sebagai murid sekolah. Mereka perlu berbincang bersama untuk menyusun idea tersebut menjadi satu maklumat yang tersusun mengikut kronologi. Dalam sesi pengajaran yang keempat, dua orang murid mempunyai idea yang terpisah-pisah berkaitan dengan cara-cara menjadi murid yang berjaya. Idea-idea ini tidak tersusun mengikut urutan yang sepatutnya. Oleh yang demikian, kedua-dua mereka saling bertanya antara satu sama lain untuk menyusun idea-idea yang terdapat dalam senarai masing-masing.

PERBINCANGAN

Dapatkan kajian ini mendapati terdapat beberapa aktiviti komunikatif yang dilaksanakan oleh guru semasa proses pengajaran bahasa Melayu berlangsung. Guru telah menyediakan peluang yang dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran sebagai suatu yang hidup kerana komunikasi yang sebenar telah wujud semasa aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam kelas. Menurut Larsen-Freeman (1986) aktiviti seperti ini adalah penting kerana ia mempunyai ciri-ciri

bahasa sebenar iaitu murid dapat bertukar maklumat di samping penutur dapat menerima secara langsung maklum balas daripada pendengar. Aktiviti komunikatif ini dapat diukur dengan menggariskan ciri atau kriteria yang berkaitan dengannya. Kajian ini mendapati terdapat tujuh kriteria yang perlu ada untuk memastikan bahawa aktiviti bahasa yang dijalankan oleh guru akan dianggap sebagai aktiviti komunikatif.

Aktiviti yang Menimbulkan Hasrat untuk Berkomunikasi

Komunikasi yang sebenar akan wujud jika pelajar mempunyai hasrat atau berkehendak untuk berkomunikasi. Oleh itu, Hamer (1983) berpendapat bahawa, dalam pengajaran aktiviti komunikatif, sesuatu aktiviti perlu dapat menimbulkan hasrat dalam diri murid untuk berkomunikasi. Aktiviti tersebut dapat menjadikan mereka merasakan benar-benar perlu bercakap atau berkomunikasi walaupun secara terpaksa.

Dalam kajian ini, aktiviti-aktiviti komunikatif yang dijalankan oleh guru telah dapat menimbulkan hasrat dalam kalangan murid untuk berkomunikasi. Contohnya, aktiviti komunikatif dalam pengajaran yang kedua telah menyebabkan murid terpaksa bercakap untuk mengetahui idea yang dipunyai oleh rakan-rakan yang lain. Kalau mereka tidak bertanya atau menyampaikan idea yang dipunyai oleh mereka, mereka tidak akan dapat menyempurnakan tugas yang diberikan oleh guru.

Aktiviti yang diwujudkan oleh guru dalam kajian ini dapat menimbulkan motivasi dalaman pada diri murid dan dapat menimbulkan minat mereka untuk menggunakan bahasa yang sesuai yang sedang dipelajari. Larsen-Freeman (1986) berpendapat, tanggungjawab guru yang penting ialah mewujudkan suasana yang sesuai untuk merangsang komunikasi dengan memberikan peranan yang tertentu dalam pelbagai situasi komunikasi.

Aktiviti yang Mempunyai Tujuan Berkomunikasi

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh guru dalam kajian ini telah menjadikan murid

mempunyai sesuatu tujuan untuk berkomunikasi dan mereka mesti menggunakan bahasa Melayu yang sesuai untuk mencapai tujuan tersebut. Murid yang bertutur berusaha untuk mewujudkan suasana, hasil penuturnya seperti memahamkan, menarik perhatian dan memberi maklumat kepada pendengar. Ini menjadikan penutur benar-benar tertarik dan berminat untuk mencapai tujuan komunikasi. Murid yang mendengar pula berminat untuk mengetahui maklumat yang ingin disampaikan oleh penutur. Kebolehan mengenal pasti maksud penutur seperti itu menurut Larsen-Freeman (1986) adalah sebahagian daripada keupayaan berkomunikasi.

Aktiviti sebegini telah melibatkan murid berkomunikasi dalam keadaan sebenar dan melakukan tugas komunikasi dalam situasi atau konteks yang bermakna dan bukan dalam suasana rekaan. Contohnya dalam pengajaran yang keenam, aktiviti komunikatif melibatkan Kumpulan A berusaha mendengar arahan dan bertanya Kumpulan B agar dapat menjawab soalan yang dibina berdasarkan satu petikan cerita yang diperdengarkan. Keadaan ini menjadikan kedua-dua kumpulan mempunyai tujuan komunikasi yang jelas.

Berfokus kepada Kandungan dan Bukan kepada Struktur

Kajian ini mendapati apabila murid mempunyai tujuan yang ingin disampaikan, maka pemerhatian penutur dan pendengar semasa berkomunikasi adalah tertumpu kepada kandungan yang diucapkan dan bukan kepada bahasa yang digunakan. Ini kerana menurut Littlewood (1984), pengajaran adalah bertujuan menghasilkan penguasaan komunikasi dan bukan kepada penguasaan tatabahasa. Melalui pemerhatian pengkaji, murid-murid yang menjadi peserta aktiviti dalam pengajaran yang kedua, mereka menyampaikan idea menggunakan bahasa sendiri bukan bahasa atau ayat yang disediakan oleh guru.

Berlaku Kepelbagai Struktur Bahasa

Murid yang bertutur dalam kajian ini telah menggunakan pelbagai struktur bahasa dalam ungkapan yang disampaikan. Ini bermakna

mereka tidak terikat dengan hanya satu struktur tatabahasa sahaja kerana menurut Larsen-Freeman (1986) sesuatu fungsi bahasa boleh disampaikan melalui beberapa struktur linguistik.

Untuk mencapai sesuatu tujuan dalam komunikasi, pelajar yang bertutur akan memilih bahasa yang sesuai daripada perbendaharaan bahasa yang dimilikinya. Dalam pengajaran aktiviti komunikasi yang dijalankan oleh guru dalam kajian ini, murid telah menggunakan pelbagai bentuk atau struktur bahasa. Mereka bebas menggunakan struktur bahasa yang menjadi pilihannya.

Kurang Campur Tangan Guru

Dalam kajian ini, sewaktu murid-murid sedang menjalankan aktiviti komunikatif, guru telah mengurangkan campur tangan. Ini kerana dengan campur tangan guru yang banyak, murid akan mendapat mesej bahawa mereka telah melakukan banyak kesalahan, guru terlalu mementingkan kepada ketepatan dan dengan itu mereka perlu melakukan banyak pengulangan.

Murid telah diberi peluang mempraktikkan bahasa yang dipelajari. Dengan cara tersebut, menurut Toimah (2004) pembelajaran bahasa boleh berlaku dengan membentuk kebebasan sehingga mantap dan sukar untuk diubah. Krashen dan Terrel (1983) pula menyatakan pemerolehan bahasa hanya berlaku melalui penggunaan bahasa secara bermakna. Cook (1991) berpendapat guru bukan lagi tokoh yang dominan menguasai murid, tetapi mereka perlu membiarkan murid mengambil alih aktiviti pembelajaran bahasa dengan perbuatan.

Oleh kerana itu, apa yang dilakukan oleh guru dalam kajian ini ialah dengan mengikut serta menjadi peserta komunikasi. Guru juga bertindak memerhati dan mendengar dengan teliti untuk mengendalikan maklum balas sewaktu komunikasi berjalan.

Mengurangkan Pengawalan Terhadap Bahan dan Kandungan

Dalam kajian ini, guru mengurangkan pengawalan bahan yang digunakan oleh murid bahkan mereka dapat memilih sendiri bahan yang akan mereka gunakan. Ini bertepatan dengan cadangan Toimah (2004) yang mengatakan

bahawa pemerolehan kemampuan untuk berkomunikasi bukan melalui ikutan dan ingatan terhadap bahan-bahan tertentu sahaja, tetapi juga mesti melalui proses kefahaman dengan penggunaan struktur-struktur bahasa yang digunakan secara berfungsi dalam konteks komunikasi. Hal ini bermakna, fokus kandungan pengajaran guru bukan terhadap tatabahasa dan istilah-istilahnya, tetapi kepada memperkenalkan pelbagai contoh gaya bahasa.

Aktiviti Cantuman Benda Terpisah

Terdapat aktiviti komunikatif yang dilaksanakan oleh guru dalam kajian ini yang mempunyai unsur-unsur maklumat atau idea yang terpisah-pisah (*jigsaw*). Murid perlu mengumpulkan maklumat atau idea tersebut untuk menyempurnakan sesuatu tugas yang telah diberikan kepada mereka. Unsur ini bersesuaian dengan apa yang dinyatakan oleh Johnson (1983).

Contohnya dalam pengajaran kedua, terdapat tiga idea yang berbeza dan terpisah-pisah dalam kalangan kumpulan murid. Idea-idea tersebut adalah berkaitan dengan nilai murni yang terdapat dalam sebuah cerita. Mereka perlu berbincang untuk membentuk nilai murni yang sesuai. Hanya dengan kefahaman yang menyeluruh, mereka dapat menyusun nilai-nilai murni tadi menjadi tersusun mengikut urutan cerita.

IMPLIKASI

Dapatan kajian ini boleh memberikan implikasi kepada beberapa pihak seperti dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, pendidikan guru, dan bahan pengajaran. Implikasi ini akan dibincangkan mengikut topik. Interaksi dalam kelas pada kebiasaannya adalah dikendalikan oleh guru tetapi ia tidak bermakna guru mendominasi pengajaran dan pembelajaran. Perbualan yang berlaku di dalam kelas adalah yang diusahakan oleh guru. Semakin aktiviti tersebut memenuhi kriteria aktiviti komunikatif, semakin aktif murid ikut serta dalam interaksi dan komunikasi dalam kelas.

Pengajaran aktiviti komunikatif didapati telah membantu murid meningkatkan keupayaan bertutur dan berinteraksi. Aktiviti yang dijalankan kepada mereka telah memaksa mereka untuk

berinteraksi antara satu sama lain sesuai dengan tujuan dan fungsi komunikasi yang telah diberikan oleh guru. Pelbagai strategi yang digunakan oleh guru telah menambahkan lagi kelancaran pembelajaran yang aktif. Hal ini terbukti dalam kajian ini guru berjaya melakukan pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan aktiviti-aktiviti, kriteria-kriteria, pendekatan dan strategi-strategi yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Pada peringkat pendidikan guru, penekanan perlu diberikan kepada aktiviti semasa pengajaran dilaksanakan. Guru-guru pelatih hendaklah didedahkan dengan cara bagaimana komunikasi boleh berjalan dengan baik di dalam kelas. Guru-guru pelatih perlu diberi pengetahuan dan kemahiran tentang kriteria-kriteria serta aktiviti komunikatif yang sesuai.

Pembinaan bahan yang berkualiti daripada penulis buku teks dan guru sendiri perlu lebih kreatif serta pandai memilih bahan yang dapat mempertingkatkan peluang untuk murid berkomunikasi. Bahan dan kandungan yang dipilih hendaklah memenuhi prinsip-prinsip aktiviti komunikatif, terutamanya daripada aspek fungsi-fungsi bahasa dan tugas komunikasi.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini memperlihatkan secara mendalam proses pengajaran aktiviti komunikatif. Ia telah menunjukkan kriteria yang perlu ada dalam pengajaran aktiviti komunikatif. Guru dapat mengetahui tindakan-tindakan yang perlu mereka lakukan dan kesan-kesan tindakan-tindakan tersebut kepada pembelajaran pelajar. Hal ini akan membolehkan guru membuat apa jua keputusan sama ada untuk meneruskan atau mengubah teknik pengajaran mereka kepada yang lebih berkesan. Kajian ini telah memberikan maklumat kepada guru tentang kepentingan mereka melihat kembali pengajaran yang mereka telah jalankan terutamanya dengan menggunakan video untuk membolehkan mereka membuat refleksi. Refleksi guru terhadap pengajaran ini akan menjadikan guru dapat meningkatkan keupayaan pengajaran mereka menjadi lebih berkesan.

RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nuraini Yusof & Mohd Hasani Dali. (2011). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 59-70.
- Abdull Sukor Shaari & Zamri Salleh. (2009). Kesan model pengajaran karangan unsur tautan terhadap karangan bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)*, 6: 55-67.
- Abdull Sukor Shaari & Kala Dewi Aplanaidu. (2012). Kesan pendekatan pembelajaran masteri terhadap pencapaian kemahiran membaca Bahasa Melayu murid pemulihian sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2): 94-105.
- Ab. Gani Jalil. (1993). *Masalah pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Arab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)* Terendak Melaka. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebagusan Malaysia, Bangi.
- Allwright, R.L. (1984). The importance of interaction in classroom language learning. *Applied Linguistics*, 5 (2): 156-171.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1992). *Qualitative research of education*. 2nd Edition. Needhams Height: Allyn & Bacon.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative research of education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Cook, V. (1991). *Second language learning and teaching*. England: Edward Arnold.
- Cohen, L. & Manion, L. (1994). *Research methods in education*. 3rd Edition. London: Routledge.
- Hamer, J. (1983). *The practice of English language teaching*. New York: Longman.
- Hamer, J. (1991). *The practice of English language teaching*. New York: Longman.
- Johnson, K. (1979). Communicative approach and communicative process. In. Brumfit, C.J. & Johnson, K. (1979). *The communicative approach to language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Johnson, K. (1982). *Communicative syllabus design and methodology*. Oxford: Pergamon Press.
- Johnson, K. (1988). *Communicate in writing*. Hartow: Longman.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). *Akta pendidikan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu KBSR*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1997). *Peraturan-peraturan (kurikulum)*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah rendah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Krashen, S. & Terrel, T. (1983). *The natural approach: Language acquisition in the classroom*. Oxford: Pergamon Press.
- Larsen F. D. (1986). *Techniques and principles in language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Littlewood, W.T. (1978). Oral communication ability. *Modern Languages*, 591 (1): 28-33.
- Littlewood, W.T. (1979). Communicative performances in language-developmental contexts. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching (IRAL)*, 17 (2): 123-138.
- Littlewood, W.T. (1981). *Communicative language teaching: An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Littlewood, W.T. (1984). Integrating the new and the old in communicative approach. In. Das, B.K. *Communicative language teaching*. Singapore: Singapore University Press.
- Littlewood, W.T. (1985). *Foreign and second language learning: Language acquisition research and its implication for the classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Marohaini Yusof. (1996). Perlakuan dan proses mengarang pelajar Melayu di dalam bilik darjah tingkatan empat: Satu kajian kes. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Marohaini Yusof (Ed.) (2001). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Merriam, S.B. (1988). *Case study research in education: A qualitative approach*. San Francisco, CA: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S.B. (1990). *Case study research in education: A qualitative approach*. 3rd Edition. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S.B. (2001). *Validity and reliability in a qualitative research*. Keynote address for Qualitative Research Convention, Oktober 2001. NavigatingChallenges, Kuala Lumpur.
- Patton, M.Q. (1987). *How to use qualitative methods in evaluation*. Newbury Park, CA.: Sage Publication.
- Shulman, L. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15 (2): 4-14.
- Toimah, R.A. (2004). *Al maharat al lughawiyyah: Mustawiyatuha, tadrisuha, su'ubatuha*. Kaherah : Dar Al Fikr Al Arabi.
- Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari. (2012). Keberkesanan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pengajaran Komsas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 9-21.